

**ADAPTASI NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL  
VAN DER WIJCK* KE FILEM : ANALISIS  
STRUKTURALISME ROBERT  
STANTON**

**NUR ELYANA BINTI MADAH**



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **ADAPTASI NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK* KE FILEM: ANALISIS STRUKTURALISME ROBERT STANTON**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**

Saya **NUR ELYANA BINTI MADAH**, Sesi **2014-2018** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1977)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

**PERPUSTAKAAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


Disahkan Oleh,




**NUR ELYANA MADAH**  
**MA1411124T**

Tarikh : 19 Julai 2018

**NURULAIN BINTI ISMAIL**  
**PUTAKAWAN KANAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
(Tandatangan Pustakawan)

  
(Prof.Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam)

Penyelia 



(Encik Sharifuddin Zainal)  
Penyelia Bersama

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 November 2017

  
Nur Elyana binti Madah  
MA1411124T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA : NUR ELYANA BINTI MADAH  
NO. MATRIK : MA1411124T  
TAJUK : ADAPTASI NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK* KE FILEM: ANALISIS STRUKTURALISME ROBERT STANTON  
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)  
TARIKH VIVA : 26 APRIL 2018



DISAHKAN OLEH;  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink is placed over a solid horizontal line. The signature appears to begin with the letters "Z" and "A", followed by other stylized initials and a period at the end.

## 1. PENYELIA UTAMA

Prof.Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam

## 2. PENYELIA BERSAMA

Encik Sharifuddin Zainal

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadrah Allah S.W.T dan selawat salam ke atas Nabi junjungan Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah dan kurnianya, dapatlah saya menghasilkan kajian yang bertajuk "**Adaptasi Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck ke Filem : Analisis Strukturalisme Robert Stanton**" dengan jayanya. Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya (Madah bin Mohamad Suah dan Anasta Brahim) dan seluruh keluarga yang tidak henti memberikan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan saya. Terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia utama saya iaitu Prof Madya Dr Zairul Anwar Md Dawam di atas dorongan serta tunjuk ajar yang telah diberikan kepada saya sepanjang menghasilkan kajian ini. Penghargaan juga kepada penyelia bersama iaitu Encik Sharifuddin Zainal yang turut memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Selain daripada itu, terima kasih juga kepada semua pensyarah yang memberi tunjuk ajar bagi proses penulisan dan pembaikan tesis. Kepada rakan-rakan, ucapan terima kasih juga saya tujukan di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan. Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menghasilkan kajian ini. Semoga segala kerjasama kalian dibalas Allah S.W.T, terima kasih buat semua.

Nur Elyana Binti Madah  
4 Julai 2018

## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji adaptasi novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (1938)* karya Hamka dan kepada sebuah filem arahan Sunil Suraya. Analisis perubahan elemen dan struktur naratif antara novel dan filem menggunakan kritikan kesetiaan (*fidelity criticism*) yang diperkenalkan oleh McFarlene (1996) dilakukan. Dalam mengkaji aspek kesetiaan, konsep Adaptasi Eneste turut digunakan iaitu merangkumi aspek penambahan, pengurangan dan perubahan bervariasi. Selain itu teori strukturalisme Robert Stanton (1965) digunakan untuk mengkaji aspek fakt-fakta cerita iaitu tema, watak perwatakan, plot dan latar dalam kedua-dua karya tersebut. Kajian ini juga menganalisis kesan transformasi verbal novel kepada bentuk visual yang dipaparkan dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (2013)*. Pengumpulan data sekunder menggunakan bahan ilmiah dan juga laman sesawang. Data-data dikutip menggunakan analisis kandungan Krippendorff (2004) dari segi analisis teks dan konteks serta data Miles dan Huberman (1992) melalui reduksi data, paparan dan kesimpulan data. Pengumpulan data juga menggunakan data perpustakaan dan juga laman sesawang. Kajian ini mendapatkan bahawa terdapat pembaharuan dan persamaan yang terdapat di dalam novel adaptasi dari segi elemen naratif kedua buah karya. Subteks dan teks tema mempunyai persamaan namun disampaikan melalui plot dan subplot yang diberi penambahan dan pembaharuan. Perubahan watak dari segi perubahan bervariasi dan penambahan memberi impak yang menarik dalam mengetengahkan jalan cerita dan menonjolkan tema. Penambahan watak misalnya adalah untuk memenuhi perubahan elemen naratif struktur plot. Plot novel dan filem memiliki persamaan dari aspek permulaan dan pertengahan cerita namun perubahan besar berlaku di pengakhiran cerita yang memberi nilai positif untuk penonton. Penggunaan latar yang sama menunjukkan bahawa aspek kesetiaan terhadap novel asal dikekalkan walaupun berlaku beberapa penambahan baharu. Sarana sastera seperti judul, simbolik, gaya dan tone yang digunakan di dalam filem turut memberi pengaruh besar dalam filem tersebut. Secara keseluruhannya, adaptasi novel ke filem ini memberi kesan yang besar dalam memenuhi kekurangan yang terdapat di dalam novel yang tidak dapat disampaikan secara jelas. Justeru, kajian ini amat berguna kepada pengarah filem dan penulis skrip sebagai garis panduan untuk menghasilkan filem adaptasi yang memenuhi kehendak dan keperluan sasaran penonton tanpa mengabaikan keaslian novel asal.

**Kata kunci : Adaptasi Novel, Filem, Struktur Filem, Teori Strukturalisme, Eleman Naratif**

## ***ABSTRACT***

### ***THE SINKING SHIP OF VAN DER WIJCK MOVIE ADAPTED FROM NOVEL : ROBERT STANTON'S ANALYSIS STRUCTURALISME***

*This study examines the adaptation of the novel named Sinking Ship Van Der Wijck (1938), Hamka's novel and which was directed by Sunil Suraya. The analysis of elemental changes and narrative structures between novels and films using fidelity criticism introduced by McFarlene (1996). In addition, structuralism theory Robert Stanton (1965) is used to examine aspects of the story's facts, characters, plot and background in both works. This study also analyzes the effects of novel verbal transformation into the visual form displayed in the movie Singking Ship Van Der Wijck (2013). Secondary data collection uses scientific materials as well as web pages. The data were cited using the Krippendorff content analysis (2004) in terms of text and context analysis as well as Miles and Huberman (1992) data through data reduction, data viewing and conclusions. Data collection also uses library data as well as web pages. This study finds that there are reforms and similarities found in novel adaptation in terms of narrative elements of both works. Subtext and theme texts have similarities but are presented through plots and subplots that are buffeted and renewed. The change of characters in terms of varying variations and additions has an interesting impact in highlighting the storyline and highlighting the theme. The addition of a character for example is to meet the alteration of narrative elements of plot structure. The novel and movie plot have similarities from the beginning and the mid-story aspects of the story but major changes occur ending stories that give positive value to the audience. The use of the same background shows that the aspect of loyalty to the original novel is maintained despite some new additions. Literature, such as titles, symbols, styles and tones used in the film, also contributed greatly to the film. In general, the novel adaptation to the film has a great impact in meeting the shortcomings in the novel that can not be clearly conveyed. Hence, this study is useful for film directors and script writers as guidelines for producing adaptation films that meet the needs and needs of the target audience without disregarding the originality of the original novel.*

*Keyword:* Adaptation of Novel, Film, Film Structure, Structuralisme Theory, Narrative Element

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1    Latar Belakang Kajian	1
1.2    Permasalahan Kajian	5
1.3    Persoalan Kajian	6
1.4    Objektif Kajian	6
1.5    Kepentingan Kajian	7
1.6    Skop dan Limitasi Kajian	7
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1    Konsep dan Definisi Adaptasi	8

2.2	Konsep Adaptasi Pamusuk Eneste	11
2.2.1	Pengurangan	12
2.2.2	Penambahan	14
2.2.3	Perubahan Bervariasi	15
2.3	Definisi dan Konsep Strukturalisme	16
2.4	Sejarah Evolusi Teori Strukturalisme	18
2.4.1	Teori Formalistik	19
2.4.2	Teori Strukturalisme Dinamik	20
2.4.3	Teori Semiotik	22
2.5	Teori Strukturalisme Robert Stanton	23
2.5.1	Fakta Cerita	24
a)	Tema	25
b)	Plot	27
c)	Watak dan Perwatakan	31
d)	Latar	32
2.5.2	Sarana-Sarana Sastera	34
a)	Judul	34
b)	Sudut Pandang	34
c)	Gaya dan Nada	35
d)	Simbolik	36
e)	Ironi	37
2.6	Isu-Isu Pengadaptasian Novel ke Filem	38
2.6.1	Isu Kesetiaan	39
2.6.2	Isu Mesej dan Intipati Karya	41
2.6.3	Isu Hak Cipta	42

2.7	Kesimpulan	44
-----	------------	----

### BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Subjek Kajian	48
3.4	Kaedah Kajian	49
3.4.1	Pengumpulan Data	50
a)	Data Primer	50
b)	Data Sekunder	52
3.4.2	Analisis Data	52
a)	Analisis Data Teori Strukturalisme Robert Stanton	53
b)	Analisis Data Krippendorff <i>Content Analysis</i>	54
i.	Teks (Dokumen)	56
ii.	Konteks Kajian	57
c)	Analisis Data Model Miles dan Huberman	57
i.	Reduksi Data	58
ii.	Paparan Data	58
iii.	Kesimpulan dan Verifikasi	59
3.5	Kesimpulan	60

### BAB 4: ANALISIS PERBANDINGAN STRUKTUR NOVEL DAN FILEM *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK*

4.1	Pendahuluan	61
4.2	Latar Belakang Pengarang dan Novel <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	61
4.2.1	Sinopsis Novel <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	65

4.3	Deskripsi Pembahagian Bab (Peristiwa) dan Adegan dalam Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	67
4.3.1	Pembahagian Bab dalam Novel	67
4.3.2	Pembahagian Bab dan Keterangan Peristiwa	68
4.3.3	Pembahagian Adegan dalam Filem	76
4.4	Analisis Perbandingan Adaptasi Elemen Naratif Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	85
4.4.1	Tema	85
4.4.2	Watak dan Perwatakan	89
a)	Pengurangan Watak	96
b)	Persamaan Watak	100
c)	Perubahan Bervariasi Watak	110
d)	Penambahan Watak	116
4.4.3	Struktur Plot	128
a)	Permulaan Cerita	149
b)	Pertengahan Cerita	157
c)	Pengakhiran Cerita	173
4.4.4	Latar	175
a)	Latar Tempat	177
b)	Latar Waktu	182
c)	Latar Sosial	187
4.5	Analisis Perbandingan Sarana Sastera	188
4.5.1	Judul	188
4.5.2	Sudut Pandang	188
4.5.3	Gaya dan Nada	189
4.5.4	Simbolik	191

4.5.5 Ironi	192
4.6 Kesimpulan	193
<b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pendahuluan	194
5.2 Kesimpulan Dapatan Kajian	194
5.2.1 Struktur Plot Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	195
5.2.2 Perubahan Watak Perwatakan Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	197
5.2.3 Aspek Latar Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	199
5.2.4 Sarana-Sarana Sastera dalam Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	200
5.3 Implikasi Kajian	201
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	202
5.5 Penutup	203
<b>RUJUKAN</b>	205
<b>LAMPIRAN 1</b>	213

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 3.1 Teori Strukturalisme Robert Stanton 1965	54
Jadual 3.2 Contoh deskripsi jadual dapatan kajian	59
Jadual 4.1 Deskripsi pembahagian bab dan tajuk novel	67
Jadual 4.2 Deskripsi pembahagian bab dan keterangan persitiwa novel	68
Jadual 4.3 Deskripsi pembahagian adegan dalam filem	77
Jadual 4.4 Kategori watak dan perwatakan	89
Jadual 4.5 Bilangan watak perwatakan mengikut konsep adaptasi	127
Jadual 4.6 Struktur Plot dalam Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	129
Jadual 4.7 Analisis Konsep Adaptasi mengikut Struktur Plot	147
Jadual 4.8 Aspek Latar dalam Novel dan Filem <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	176

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 2.1 Konsep Adaptasi Pamusuk Eneste	12
Rajah 2.2 Konsep Teori Strukturalisme Robert Stanton	24
Rajah 3.1 Carta Alir Metodologi	47
Rajah 3.2 Kerangka Konseptual Penyelidikan	53
Rajah 3.3 Kerangka <i>Content Analysis Krippendorff 2004</i>	55
Rajah 3.4 Kerangka Analisis Data Miles dan Huberman	58
Rajah 4.1 Statistik Watak Perwatakan mengikut Konsep Adaptasi Eneste	96
Rajah 4.2 Statistik Bilangan Perubahan Konsep Adaptasi Novel ke Filem	148

## **SENARAI FOTO**

	Halaman	
Foto 2.1	Ikal terpegun melihat jari jemari A Ling	37
Foto 4.1	Hayati bersama adiknya Ahmad menaiki Bendī	104
Foto 4.2	Ahmad memulangkan payung kepada Zainuddin	105
Foto 4.3	Datuk Penghulu Adat menasihati Hayati	108
Foto 4.4	Muluk menasihati Zainuddin	110
Foto 4.5	Aziz memarahi dan mengasari Hayati	113
Foto 4.6	Hendrick, Maria dan Aziz memandu di Padang	115
Foto 4.7	Mak Ipih membawa Zainuddin melihat kawasan kampung	117
Foto 4.8	Upiak Banun dan Hayati berteduh di sebuah pondok di Ekor Lubuk	118
Foto 4.9	Pertemuan Datuk Penghulu Adat dengan Datuk Garang dan Sutan Makmur	120
Foto 4.10	Engku Labay berbual sambil membaca akhbar	121
Foto 4.11	Hayati, Khadijah, Sofyan dan Aziz di pesta kuda	122
Foto 4.12	Hendrick dan Maria memandu di kawasan kampung	123
Foto 4.13	Zainuddin bertemu dengan Tuan Iskandar	125
Foto 4.14	Rumah Zainuddin di Surabaya	127
Foto 4.15	Zainuddin melihat pemandangan senja di Makassar	150
Foto 4.16	Zainuddin memberitahu Mak Base mengenai penghijrahannya	151
Foto 4.17	Adegan Zainuddin dan Mak Ipih berjalan di Sawah	152

Foto 4.18	Sekumpulan pemuda kampung sedang bermesyuarat	154
Foto 4.19	Perbincangan mengenai Zainuddin oleh Datuk Penghulu Adat dan penasihatnya	155
Foto 4.20	Zainuddin berhijrah ke Padang Panjang menaiki bendi	156
Foto 4.21	Zainuddin diperkenalkan kepada keluarga Mande Ana	157
Foto 4.22	Muluk sedang mengunting rambut Zainuddin dan Hayati diperkenalkan kepada Aziz oleh Khadijah	159
Foto 4.23	Zainuddin dan Muluk melihat papan tanda kapal Van Der Wijck	162
Foto 4.24	Zainuddin dan Muluk bertemu dengan Tuan Iskandar	163
Foto 4.25	Karya Zainuddin mula mendapat perhatian pembaca dan dikenali ramai	164
Foto 4.26	Zainuddin membuat set persalinan baju	164
Foto 4.24	Hayati dan Aziz bertemu Zainuddin yang dikenali sebagai Tuan Shabir	166
Foto 4.28	Cak Narto menemui Aziz di rumahnya untuk memungut hutang	167
Foto 4.29	Zainuddin menyampaikan surat Aziz kepada Hayati	169
Foto 4.30	Zainuddin dan Hayati di ruang tamu rumah Zainuddin	170
Foto 4.31	Muluk menghantar Hayati ke Kapal Van Der Wijck	170
Foto 4.32	Adegan kapal Van Der Wijck tenggelam	171
Foto 4.33	Zainuddin memandu kereta ditemani Muluk	172
Foto 4.34	Rumah anak yatim tertera nama Hayati	174
Foto 4.35	Karya terakhir Zainuddin berjudul <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	173
Foto 4.36	Aziz bermain judi di Kasino	180
Foto 4.37	Zainuddin membaca surat kiriman Hayati di atas sebuah bukit	181
Foto 4.38	Penggunaan latar waktu Makassar 1930 dan Batipuh	185

Padang 1930

Foto 4.39	Penggunaan latar waktu Padang Panjang 1931	185
Foto 4.40	Penggunaan latar waktu Batavia 1932 dan Surabaya 1932	186
Foto 4.41	Muluk menggunting rambut Zainuddin	192



## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran 1	213
Lampiran 2	214



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bidang sastera telah memberi sumbangan yang besar kepada industri perfileman. Antaranya karya sastera seperti novel telah menjadi pilihan produser sebagai sumber cerita atau skrip untuk diadaptasi menjadi sebuah filem. Adaptasi novel ke filem dilakukan kerana novel tersebut merupakan karya yang telahpun popular dalam kalangan masyarakat. Novel tersebut sudah memiliki kelompok peminat atau pembaca fanatic. Justeru produser dan pengarah filem menyakini bahawa filem yang diadaptasi daripada novel tersebut akan dapat menarik perhatian penonton. Ini kerana para pembaca yang telah membaca novel tersebut mempunyai keinginan untuk melihat gambaran cerita bentuk penulisan ke dalam bentuk visual atau imej bergerak (filem).

Sebagai contoh novel popular *Lagenda Budak Setan* telah diadaptasi menjadi filem menggunakan tajuk yang sama pada tahun 2010 telah mendapat sambutan yang baik oleh penonton. Novel tersebut dikenali oleh Ahadiat Akashah sekitar tahun 1985 dan kemudian diarah menjadi filem oleh Sharad Sharan dan dibintangi oleh Farid Kamil, Lisa Surihani dan Que Haidar. Kemudian pada tahun 2014, sebuah lagi filem romantik komedi *Manisnya Cinta Di Cappadocia* telah dihasilkan menggunakan tajuk yang sama. Filem tersebut juga telah berjaya mencatatkan kutipan box-office yang

tinggi iaitu lebih daripada 1 juta (FINAS,). Filem tersebut memenangi dua anugerah dari sepuluh pencalonan di Festival Filem Malaysia ke 27.

Adaptasi novel ke filem telah banyak membantu pengarah filem untuk menghasilkan sesebuah filem yang berkualiti terutama dari aspek naratif seperti tema, watak, konflik, plot dan subplot. Pengarah filem tidak perlu lagi memikirkan jalan cerita kerana novel tersebut telah menyediakan sumber penceritaan. Apa yang perlu dilakukan oleh pengarah filem atau penulis skrip adalah melakukan perubahan atau penyesuaian bentuk dari sebuah penulisan novel menjadi sebuah filem yang banyak menggunakan imej visual. Menurut Arkib (2008), pengarah filem hanya perlu membuat pilihan dalam adaptasi novel ke filem sama ada berlaku setia iaitu mengekalkan bentuk plot dan naratifnya ataupun menggunakan pendekatan adaptasi kreatif dengan mengekalkan semangat dan inti pati novel tetapi plot filemnya mengambil pendekatan yang berbeza.

Namun adaptasi novel ke filem telah menimbulkan isu-isu sama ada pro dan kontra dalam kalangan penulis dan peminat novel. Antaranya lakon layar atau skrip yang diadaptasi daripada novel didakwa mengalami kegagalan dan majoritinya tidak akan sekutu dan seutuh novel asli. Menurut Nasir Jani (2015), novel dan filem sebenarnya memiliki ciri-ciri tersendiri. Salah faham dan kekeliruan tentang konsep kesetiaan akan wujud apabila sukar memahami ciri-ciri kedua-duanya yang melibatkan tertib dan susun atur serta cara berasingan untuk menghasilkan karya seninya. Perbezaan bentuk atau medium menyebabkan ada kalangan penulis novel tidak berpuashati dengan filem yang dihasilkan. Contohnya novel *Langit Petang* (1980) karya A.Samad Said yang diarahkan ke filem oleh Shahrom Mohd Dom pada tahun 1982 telah mendapat tentangan hebat dari penulis novel. Filem tersebut dalam menyampaikan isi yang terdapat dalam novel menurut penulis novel tidak dapat digarap dengan baik dan gagal dalam menyampaikan maksud yang sama seperti dalam novel.

Adaptasi novel ke filem dapat dilihat melalui persamaan dan perbezaan pada kedua buah karya itu. Kesilapan yang berlaku boleh menyebabkan lahirnya perspektif dan fahaman bahawa adaptasi akan merosakkan novel asal dan sering kedengaran

ungkapan “filem ini tidak seperti dalam novel” oleh pembaca novel selepas menonton filem adaptasi dari novel yang pernah dibaca. Sebagai contoh, novel *Whitering Heights* (1847) karya novelis Emily Bronte telah mengalami perubahan yang besar dan mengalami kegagalan teruk. Oleh kerana, Wyler selaku pengarah telah membuat improvisasi dengan membuang 50 peratus isi novel dengan menambah 30 adegan baru. Perubahan ini dilakukan oleh Wyler bagi memenuhi tuntutan terhadap filem yang dihasilkan. Namun, perkara itu memakan diri sendiri kerana filem tersebut telah mengalami kegagalan yang teruk (Judy, 2013).

Walaupun adaptasi novel ke filem telah mencetuskan pendapat negatif dari aspek seperti perubahan latar, watak dan sebagainya namun ada adaptasi yang telah menghasilkan kesan positif. Misalnya, novel *Great Expectations* (1861) karya Charles Dickens telah diadaptasi dalam empat versi filem. Alfonso Cuaron yang mengarahkan filem adaptasi itu telah menukar latar dalam novel iaitu London kepada Florida dan New York. Namun versi tersebut berjaya dan memenuhi kehendak penonton. Kejayaan filem yang diadaptasi daripada novel ini menunjukkan bahawa pengolahan yang baik seharusnya dilakukan bagi mengelakkan isu-isu negatif seperti penerimaan pembaca asal novel yang menjadi penonton filem tersebut.

Francesco Casetti (2004) yang menyatakan adaptasi merupakan salah satu hasil *reappearance* maka perkara yang lebih penting untuk dilihat adalah bentuk baru yang terhasil daripada adaptasi itu. Bukan hanya melihat kepada persamaan dan perbezaan yang terjadi semata-mata. Bentuk baru yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah filem. Apabila membincangkan tentang adaptasi novel ke filem, perkara yang perlu mendapat perhatian penting adalah filem yang telah diadaptasikan itu. Tambahan pula, penelitian kepada bentuk baru itu lebih menarik kerana satu bentuk seni yang tersendiri terbina dalam filem yang diadaptasi berbanding novel.

Pengolahan atau perubahan yang dilakukan oleh filem daripada karya asal novel harus dilihat daripada aspek kesetiaan. Kesetiaan sering berkait dengan unsur naratif yang merujuk kepada unsur utama yang dipindahkan dari novel ke filem (McFarlane, 1996). Melalui proses adaptasi novel ke filem didapati terdapat pengarah atau penulis skrip yang setia dan ada juga yang tidak setia terhadap karya asal.

Terdapat tiga perkara akan dilakukan oleh seseorang pengarah bagi menentukan tahap kesetiaan seorang pengarah dengan karya asal. Antaranya sebahagian karya asal akan dikekalkan, diubah dan dibuang. Pengekalan dan perubahan ini dilakukan disebabkan faktor seperti perbezaan medium, kepentingan komersial, agenda pengarang, penerbit atau pengeluar filem, kepentingan artistik yang mempunyai hubungan dengan tiga perkara yang dilakukan oleh pengarah itu.

Justeru bagi memastikan adaptasi novel ke filem berjaya dilakukan maka aspek kesetiaan ini harus difahami oleh penulis skrip dan pengarah filem. Kajian bagaimana perubahan hasil adaptasi berdasarkan aspek kesetiaan ini akan membantu mengurangkan isu-isu seperti ketidakpuasan hati antara penulis dan peminat novel dan pengarah filem. Ini juga memungkinkan lebih banyak lagi karya-karya novel diadaptasi menjadi filem. Sekaligus membantu industri perfilman untuk mendapatkan pelbagai sumber cerita yang berkualiti.

Adaptasi boleh didefinisikan sebagai penyesuaian dengan keadaan yang baru atau berbeza mahupun proses menulis semula komposisi contohnya novel, drama dan artikel kepada medium lain seperti drama televisyen ataupun drama pentas. Namun begitu, sumber-sumber yang disebutkan tersebut merupakan titik permulaan dalam menghasilkan sebuah karya baharu, iaitu filem adaptasi. Dengan kata lain, adaptasi merujuk kepada sesetengah isi yang diubah daripada satu media kepada satu media yang lain. Menurut Field (1990), adaptasi boleh dikatakan sebagai kebolehan menyesuaikan dengan menukar atau menyelaraskan serta mengubah sesuatu bagi mencipta perubahan berkaitan struktur, fungsi dan bentuk agar dapat menghasilkan satu pelarasian yang lebih baik yang mana melalui proses adaptasi perubahan bentuk daripada bentuk novel kepada bentuk filem akan berlaku. Perubahan yang dimaksudkan bukan hanya berlaku dari aspek bentuk luaran, tetapi termasuk juga bentuk dalamannya seperti struktur, plot, watak, fungsi dan sebagainya.

Menurut Cohen dalam Elliott (2003), adaptasi digambarkan sebagai satu pemindahan daripada kata-kata kepada imej tanpa perlu mempertimbangkan terhadap apa yang digambarkan oleh pengarang yang melibatkan pemindahan kata demi kata daripada dialog novel atau naratif atau ilustrasi. De Witt Bodeen dalam McFarlane

(1996) pula menyatakan, karya sastera yang diadaptasi kepada filem merupakan satu usaha kreatif yang tidak diragukan. Namun begitu, pentafsiran yang selektif diperlukan untuk tugas tersebut. Adaptasi mesti sejajar dengan keupayaan dalam mencipta semula dan *mood* atau suasana yang telah terbentuk dikekalkan. Oleh yang demikian, adaptasi bukan hanya usaha mengubah medium tetapi merujuk juga kepada usaha mencipta semula kerja seni yang baharu di samping dapat mengekalkan suasananya seperti dalam keadaan asal.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Adaptasi novel ke filem telah menimbulkan ketidakpuasan hati dan perdebatan antara pihak penulis dan peminat novel dengan pengarah filem atau penulis skrip. Antaranya penulis dan peminat novel berpendapat perubahan-perubahan yang dilakukan menyebabkan filem tersebut gagal mengekalkan kualiti penceritaan seperti yang terdapat di dalam novel. Penulis dan peminat novel berpendapat pengarah filem harus berusaha untuk mengekalkan sumber cerita novel tersebut. Namun menurut Nasir Jani (2005), ahli-ahli teori filem berdebat dengan mengatakan bahawa pengarah tidak perlu sepenuhnya terikat dengan sumber cerita dalam mengadaptasi novel ke filem. Kesan daripada ketidakpuasan ini menyebabkan adaptasi novel ke filem hanya dilakukan terhadap novel bergenre tertentu sahaja terutamanya percintaan. Ia juga menimbulkan persoalan apakah bentuk-bentuk perubahan yang boleh dilakukan jika sesebuah novel itu diadaptasi menjadi sebuah filem.

Justeru kajian ini akan mengkaji elemen dan struktur naratif antara novel dan filem menggunakan kritikan kesetiaan (*fidelity criticism*) yang diperkenalkan oleh McFarlane (1996). Analisis elemen naratif ini adalah berdasarkan teori strukturalisme Robert Stanton (1965) yang mengkaji aspek fakta cerita iaitu plot, watak perwatakan, latar dan tema serta sarana-sarana sastera iaitu judul, sudut pandang, gaya bahasa dan nada, simbolik serta ironi. Selain itu kajian ini akan menganalisis kesan transformasi verbal novel kepada bentuk visual yang dipaparkan dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memberi

kefahaman kepada penulis dan peminat novel serta pengarah filem mengenai proses adaptasi dan perubahan-perubahan yang boleh dilakukan atau sebaliknya. Diharapkan melalui kajian ini, ia akan memudahkan lagi penulis skrip untuk mengadaptasi novel menjadi sebuah filem yang berjaya tanpa mengetepikan elemen dan struktur naratif penting novel itu sendiri.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Apakah elemen dan struktur naratif novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck?*
2. Apakah perbezaan atau perubahan elemen dan struktur naratif novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck?*
3. Apakah kesan transformasi verbal ke visual novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck?*

### **1.4 Objektif Kajian**

1. Menganalisis elemen dan struktur naratif novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck.*
2. Menganalisis perbezaan atau perubahan elemen dan struktur naratif novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck.*
3. Menganalisis kesan transformasi verbal ke visual novel dan filem *Tenggelam Kapal Van Der Wijck.*